

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 7.10.2014 (ISNIN)

TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada pihak peniaga perlu membayar yuran kepada PRISM (*Performers Rights & Interest Society of Malaysia*) sekiranya radio hanya dimainkan untuk hiburan sendiri dan segala siaran tidak melibatkan artis yang merupakan ahli PRISM.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

PRISM Berhad telah diisytiharkan sebagai sebuah Badan Pelesenan atau badan menjalankan kutipan royalti mewakili ahli-ahlinya yang terdiri daripada golongan penyanyi dan pemuzik rakaman bunyi pada 1 Julai 2013. Perisytiharan PRISM Berhad sebagai sebuah badan pelesenan dibuat oleh Pengawal Hak Cipta, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dibawah peruntukan Seksyen 27A, Akta Hak Cipta 1987. Berikutan dengan perisytiharan ini, PRISM Berhad dibenarkan menjalankan kutipan royalti ke atas mana-mana orang dan premis perniagaan yang memainkan lagu karya berhakcipta di sesebuah premis perniagaan.

Asas kutipan royalti ini dibuat adalah merujuk kepada hak seseorang pelaku iaitu penyanyi atau pemuzik hak cipta yang menjadi ahli kepada PRISM Berhad untuk memperolehi imbuhan terhadap hasil karya muzik atau lagu yang dimainkan melalui radio atau media lain dalam konteks penyampaian kepada orang awam atau *public performance* dengan izin.

Berhubung dengan penggunaan lagu atau memainkan muzik untuk kegunaan sendiri, Akta Hak Cipta 1987 telah memberi pengecualian kepada penggunaan mana-mana karya berhakcipta untuk kegunaan persendirian. Manakala, siaran bagi artis yang bukan menjadi ahli kepada PRISM Berhad, pihak PRISM Berhad atau wakilnya tiada hak menjalankan kutipan royalti melainkan pemunya karya berhakcipta itu sendiri menjalankan kutipan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 9 September 2014, pertemuan yang diadakan oleh pihak Kementerian bersama kesemua

Badan Pelesenan telah turut memberi pengecualian bayaran yuran royalti kepada premis perniagaan kecil. Pihak Kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Badan Pelesenan terlibat di atas pertimbangan yang diberikan. Pihak kami juga berharap mana-mana premis perniagaan di bawah kategori ini yang merasakan perniagaan mereka perlu dikecualikan dari bayaran royalti bolehlah berunding dengan badan-badan pelesenan ini terutamanya yang menggunakannya untuk kegunaan sendiri dan bukan bertujuan memainkan radio untuk komersial dan menarik pelanggan yang boleh dianggap sebagai penyampaian kepada orang awam atau *public performance* dengan izin.